

PENGGUBALAN KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH (KBSM) DI MALAYSIA: MASLAHAH DALAM RUJUKAN MAZHAB

Afnan Faiz Ridzuan bin Ahmad, Jasni Sulong
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang, Malaysia

Abstract

The drafting on the New Curriculum of Secondary School (KBSM) for the Islamic studies as a core and elective subject was based on the Shafi'i Mazhab. This is because Malaysia prefers the teaching of Shafi'ite school. Many of the school's writings were served as the main reference in promulgating laws. This has led to inflexibility as well as difficulty in practicing some cases that do not fit to the viewpoint of the Shafi'ite. Times have changed as well as local practices, thus it would troublesome to confine on only particular sect of teaching. As such, the study was aimed at identifying the influence of the Shafi'ite teaching in the school curriculum in Malaysia and to what extent other than the school's teaching will revealed to students. The scope of study is the course of Islamic studies under the New Curriculum of Secondary School (KBSM). This study is qualitative way as the data will be collected through library and interview research. By analyzing the curriculum using inductive and deductive methods, it was found that the curriculum has given inclination to the Shafi'ite teaching for the benefit as well as consistency in the practice of Islamic religion in Malaysia. However, there are certain topics that also choose the view of non Shafi'ite for the reason of suitability and appropriateness. This approach is consistent with states fatwa in Malaysia. The results show that the KBSM curriculum is not confined to the Shafi'ite teaching per se, and its application benefited the community.

Keyword: *masalah, curriculum, Syafi'ite school*

PENDAHULUAN

Maslahah ialah mendatangkan segala kebaikan dalam sesuatu perbuatan atau tinggalkan dan pada masa yang sama menolak kemudaratan. Dalam Pendidikan, kurikulum yang baik ialah ia bergerak selari dengan keperluan semasa dan menjamin *masalah* yang tinggi kepada masyarakat (Embong et. al., 2018). Ini kerana ia berupaya mendatangkan kebaikan melalui pendekatan-pendekatan yang selari dengan keperluan masa dan tempat untuk difahami oleh para pelajar.

Berdasarkan Peraturan-peraturan Kurikulum Kebangsaan (Malaysia, 1997), pendidikan kebangsaan yang terdiri daripada elemen kurikulum dan

aktiviti kokurikulum bertujuan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pembangunan pendidikan yang cemerlang menjadi impian Kerajaan sebagai satu usaha yang berterusan. Ia bagi memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Muhammad Haron et. al., 2018).

Sejak kemerdekaan negara, kurikulum pendidikan sentiasa ditambahbaik bagi kemaslahatan generasi baru. Begitu juga kurikulum dalam bidang pendidikan Islam, ia sentiasa mendapat saranan baru yang ditambahnilai dari semasa ke semasa. Sehingga munculnya Dasar Pendidikan Kebangsaan (Malaysia, 1996), usaha tersusun untuk melahirkan warga negara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga dan negara telah direalisasikan. Sejak dahulu juga, pelaksanaan aktiviti kurikulum yang seragam di sekolah-sekolah telah dilakukan sama ada pelajar Islam di Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Jenis Kebangsaan, bagi memastikan penyampaian ilmu adalah sekata yang memebri maslahat dan kebaikan kepada semua pelajar. Ini selari dengan pandangan Ahmad Raysuni (2014) yang bertepatan dengan *maslahah* iaitu mencapai manfaat dan menolak keburukan supaya pengajaran dan pembelajaran selari dengan *maqasid al-shari'ah*.

KAJIAN TEORETIS

Secara teorinya, kurikulum yang diajar di sekolah-sekolah mestilah seragam dan berdaya saing. Oleh itu, Peraturan-peraturan Kurikulum Kebangsaan (Malaysia, 1997) menekankan perkara ini dan menggalakkan pembangunan elemen pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan. Konseptualnya, peraturan utama ini menjadi satu set dasar pendidikan bagi memperkembangkan lagi empat potensi seseorang murid sama ada daripada segi jasmani, rohani, mental mahu pun emosi (Embong et. al., 2018).

Di mana pun seseorang itu belajar, kurikulum yang seragam itu dapat menghasilkan kemenjadian pelajar yang diingini ini (Zuraidah Ramdhan, 2013).

Bagi bidang pengajian Islam di Malaysia, pendidikan dan kurikulum agama telah tersebar sejak zaman awal Tanah Melayu lagi apabila negara diislamkan oleh ulama dan mubaligh Islam, ketika mereka datang untuk berdakwah dan berdagang. Mereka telah mengislamkan Sultan dan rakyat, dan seterusnya menjadi guru dan alim-ulama mengajar penduduk dengan ilmu, iman dan amal. Hassan Mardman (2001) menyatakan bahawa selain di istana, guru-guru juga akan mengajar di rumah dan masjid-masjid. Pada waktu ini, kitab-kitab tradisional telah dijadikan kurikulum awal pengajian agama. Ia menjadi sukatan pengajian sama ada proses pendidikan itu berlaku di masjid atau surau. Penglibatan para ulama dan tradisi ilmu ini terus berkembang apabila semakin ramai penduduk datang untuk menimba ilmu sehingga kawasan rumah dan masjid telah dibanjiri pelajar. Mereka menyewa rumah dan tanah di sekitarnya dan menghuni dalam pondok-pondok kecil kecil untuk pembelajaran agama walaupun kurikulum tidak seragam dan sejarah ini telah melahirkan institusi pendidikan tradisional yang diberi nama sistem pondok (Jasni Sulong, 2015).

Menurut Saadan Man (2007) dan Mohamad Jajuli (1995), walaupun kurikulum ilmu agama pada ketika ini tidak seragam, namun para guru banyak dipengaruhi oleh kitab-kitab dalam aliran Mazhab Syafi'i. Kitab-kitab ini dijadikan bahan bacaan ketika pembelajaran yang berdasarkan pada karangan ulama-ulama Mazhab Syafi'i seperti al-Rafi'i, al-Nawawi, Al-Asnawi dan al-Subki. Perkembangan rujukan ini terus-terusan dipegang dan diikuti sehingga dimasukkan dalam kurikulum pendidikan agama yang bermula di peringkat sekolah agama rakyat (SAR), sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) sehinggalah kepada sistem kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM) (Raihan et. al., 2019).

Manakala kajian mengenai *masalah*, ia adalah lafaz Arab daripada istilah *masalih* yang bermaksud sesuatu perkara yang bermanfaat dan baik sama ada manfaat itu berbentuk keduniaan atau pun ukhrawi. *Maslahah* ini boleh dicapai secara langsung iaitu dengan melakukan yang bermanfaat atau secara tidak

langsung dengan cara menolak kemudaratan (Iyad al-Silmi, 2005). Justeru, semua perkara yang mengandungi kebaikan sama ada dengan menghasilkan faedah dan kenikmatan atau menolak kerugian dan kemudaratan maka semua itu adalah pendekatan dalam merealisasikan *masalahah* (Ibn Manzur, t.t.).

Al-Ghazali (505H) mengkhususkan *masalahah* bagi perbuatan-perbuatan yang memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Lima perkara ini adalah merupakan keutamaan dan keperluan manusia yang mesti dipelihara. Kebajikan dan keselesaan seseorang manusia akan terpelihara apabila lima aspek ini dilindungi dan dijamin oleh undang-undang. Namun sekiranya perkara-perkara asas ini tidak dilindungi maka perbuatan tersebut akan membawa kepada *mafsadah* (Noor Shakirah & Muhammad Azizan, 2014).

Dalam mengenalpasti keberlakuan *masalahah* ini kepada manusia, ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam (660H) membahagikannya kepada dua kategori iaitu sama ada *masalahah* yang bersifat keduniaan dan *masalahah* yang bersifat ukhrawi. Bagi setiap kategori ini terdapat empat jenis *masalahah* iaitu kesedapan, sebab-sebab yang menjadi faktor memperolehi kesedapan, kegembiraan dan sebab-sebab yang menjadi faktor memperolehi kegembiraan. Kesedapan dan kegembiraan adalah menjadi tujuan utama *masalahah* dicapai (Jasni Sulong & Faisal Husen, 2011).

Di antara lima perkara yang menjadi unsur utama kepada *masalahah*, akal dan penjagaannya adalah antara elemen utama dalam diri manusia. Dalam fekah, pembeza antara mukallaf dan bukan mukallaf adalah kewarasan akal seseorang. Akal juga menjadi pembeza antara yang alim dan yang jahil. Akal yang sihat adalah teras kepada anggota yang sihat. Apabila anggota sihat maka seseorang individu itu mudah dan dapat melakukan sesuatu tugas dengan baik dan cemerlang. Penjanaan akal seseorang manusia adalah melalui ilmu atau pendidikan. Komponen pendidikan dengan mempunyai kandungan kurikulum yang baik dan holistik akan memastikan pembinaan dan perkembangan akal manusia berkembang dengan baik. Secara tidak langsung akan memandu seseorang manusia menjadi kuat jasmani, rohani, mental, emosi dan moral (Noor Shakirah & Muhammad Azizan, 2014).

METODOLOGI PENELITIAN

Kaedah penyelidikan yang akan dijalankan adalah berdasarkan kajian kualitatif. Menurut Given (2008), kaedah kualitatif ini sesuai kerana ia adalah satu proses siasatan untuk pemahaman yang berdasarkan metodologi siasatan yang jelas bagi meneliti sesuatu permasalahan yang dilakukan secara deskriptif. Ia melibatkan himpunan data-data primer dan sekunder. Metod pengumpulan data yang telah dilaksanakan ialah dengan melakukan metod kepustakaan dan temubual. Metod kepustakaan melibatkan pengumpulan segala data sekunder yang boleh digunapakai bagi menyokong penyelidikan ini. Ini secara tidak langsung dapat memberi sorotan karya, mengumpul teori dan maklumat awal bagi penyelidikan ini. Berdasarkan Willis (2007), kaedah ini dilakukan apabila segala data yang bersifat wujud dan tersurat dipercayai ada dalam bentuk dokumen dan ia akan dikumpulkan sebagai data mentah untuk diteliti dan dianalisis.

Seterusnya metod temubual dilakukan melalui perbualan bersemuka dan tidak bersemuka iaitu dengan menemuramah beberapa tokoh akademik di Malaysia bagi mendapat maklumat berhubung kedudukan amalan, praktis sebenar dan kecenderungan yang sepatutnya bagi tujuan rumusan kajian. Given (2008) dan Willis (2007) mengulas, kaedah ini menjadi sokongan dan pengukuh kepada kajian apabila secara tidak langsung dapat menjangkau kemungkinan-kemungkinan ke atas persoalan-persoalan yang boleh dianalisis dalam kajian ini.

Daripada segi rangka kajian, penyelidikan ini mempunyai rangka yang tersendiri yang menghendaki penyelidik membina gambaran yang menyeluruh mengenai latar belakang kajian, menganalisis dan melaporkannya dengan terperinci segala maklumat yang dikumpulkan dalam perspektif yang telah dinyatakan di atas Given (2008). Kaedahnya adalah secara mengklasifikasi maklumat yang diterima, membandingkan maklumat tersebut, menjalinkan antara satu data dengan data yang lain yang mengandungi kesaksamaan ciri dan seterusnya meletakkan hubungan dalam kerangka entiti baru yang mampu menjelaskan isu-isu yang dikemukakan, menjawab senario dan seterusnya mencapai matlamat kajian ini. Justeru, satu kesimpulan yang memenuhi matlamat

persekolahan dan pembelajaran (Wang & Degol, 2016) serta membawa *masalah* dapat dicapai.

Prosesnya ialah pengkaji akan membaca, memahami, memerhati, dan seterusnya mentafsir segala situasi dan solusi daripada setiap isu-isu yang menjadi tumpuan kajian ini, sama ada keadaan sebenar atau ramalan yang akan berlaku. Data-data dan fakta-fakta yang telah dikumpulkan ini kemudiannya akan dianalisis secara sintesis dan deskriptif, seterusnya dipersembahkan dalam bentuk naratif. Penyelidikan ini akan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) sebagai reka bentuk kajian Willis (2007). Pemilihan kaedah ini adalah kerana sifatnya yang fleksibel, sesuai untuk pelbagai metod pengumpulan data dan signifikan diaplikasi dalam pelbagai situasi khususnya dalam naratif konseptual dan aplikasi kurikulum pembelajaran (Bear et. al., 2014).

HASIL PENELITIAN DAN PEMBAHASAN

Hasil penelitian bahan sejarah dokumen agama dan kandungan pendidikan Islam daripada dahulu sehingga ke kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di Malaysia, kajian mendapati terdapat empat bentuk kurikulum dan pengaruh masalah di dalamnya. Empat penemuan berikut, iaitu kurikulum pendidikan agama di Malaysia dalam Mazhab Syafi'i, subjek pendidikan Islam dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, pengaruh Mazhab Syafi'i dalam KBSM dan ajaran mazhab lain turut diterapkan atas alasan *masalah*.

Kurikulum Pendidikan Agama dalam Mazhab Syafi'i

Islam di Malaysia adalah dipercayai dibawa oleh ulama dan mubaligh Islam yang bermazhab Syafi'i. Pegangan ilmuan dan guru agama ini telah menyerapi umat Islam di negara ini dengan ajaran daripada kitab-kitab penulisan mazhab tersebut (Jasni Sulong, 2008). Ini menjadikan umat Islam di Malaysia telah beramal dengan hukum-hakam Mazhab Syafi'i sejak zaman berzaman. Ahmad Mohd. Salleh (2004) menyatakan pengaruh Mazhab Syafi'i sangat dominan sehingga ia diperkukuhkan lagi menerusi rujukannya dalam bidang pendidikan semasa. Di samping itu, pengaruh mazhab juga sangat ketara dalam

fatwa-fatwa dan rujukan kehakiman yang juga merujuk kepada Mazhab Syafi'i (Wilayah Persekutuan, 1993; Jasni Sulong, 2008). Perkara ini dapat dilihat secara jelas berkaitan tatacara berfatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan.

Menurut Ahmad Hidayat Buang (2000), Semua fatwa yang diputuskan mestilah berdasarkan kepada *qawl* yang muktabar dalam Mazhab Syafi'i. Jika hendak beramal dengan *qawl* dari mazhab lain perlu mendapat restu Yang Di Pertuan Agong. Dalam pada itu, Umat Islam tidak dipaksa beramal dengan Mazhab Syafi'i bahkan boleh beramal dengan mana-mana mazhab yang disukai dengan syarat tidak boleh menyalahkan orang-orang yang beramal dengan Mazhab Syafi'i. Undang-undang juga memperuntukkan bahawa mazhab-mazhab lain tidak boleh diajar atau disyarah secara terbuka di khalayak ramai, namun boleh diajar di majlis-majlis pengajian. Ini kerana adalah menjadi satu kesalahan jika mengajar selain daripada Mazhab Syafi'i secara terbuka. Jika fatwa telah dikeluarkan berasaskan kepada Mazhab Syafi'i tiada siapa pun boleh membantahnya dengan menggunakan hujah dari mazhab lain.

Syed Mohd Naquib al-Attas (1970) menyenaraikan banyak sebab yang membawa kepada penularan Mazhab Syafi'i sehingga bertapak kukuh di nusantara ini. Proses yang paling ketara adalah melalui elemen pengajaran dan pembelajaran agama. Penggunaan kitab-kitab fiqh yang bermazhab Syafi'i yang ditemui antaranya ialah *Minhaj al-Talibin* karangan Imam Nawawi, kitab *Muhadhdhab* karangan Imam Al-Syirazi (Abdul Rahman, 1990) dan kitab *Fath al-Wahhab* karangan Abu Zakariyya al-Ansari (H. Mahmud Junus, 1971). Kitab-kitab hasil karya ulama Nusantara juga ditulis berdasarkan Mazhab Syafi'i seperti *Munyat al-Musalli*, *Bughyat al-Tullab*, *Ghayat al-Taqrif* dan *Sullam al-mubtadi*'. Semua rujukan kepustakaan ini telah digunakan secara menyeluruh dalam kelas-kelas pengajian agama.

Dalam perkara ibadat, Anisah Ab Ghani (2007) menyatakan pandangan Mazhab Syafi'i sentiasa diutamakan berbanding pandangan mazhab-mazhab lain. Jika pendapat muktamad Imam Syafi'i dilihat tidak mampu menyelesaikan *masalah* masyarakat Islam di Malaysia, pendapat lain dalam kalangan fuqaha Mazhab Syafi'i akan diteliti dan diterima pakai sekalipun pendapat tersebut

bertaraf *marjuh*, *maqabil al-asah* dan *da'if*. Jelasnya, pandangan Mazhab Syafi'i sangat dekat dan sehati dengan masyarakat sehingga mazhab selain Syafi'i tidak perlu diketengahkan. Kemasukan pengaruh Mazhab Syafi'i dalam pengajaran tradisional sejak awal ini adalah baik dan memberi *maslahah* kerana ia dapat memelihara keharmonian dan kesepaduan (Luqman Abdullah & Nima Jihatea, 2007). Oleh kerana itu, penyerapan elemen ini dalam undang-undang juga penting supaya ia konsisten antara pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang (Kelantan, 1966). Menurut Siradjuddin Abbas (2003), pengaruh Mazhab Syafi'i sangat kuat di Malaysia kerana mazhab ini adalah mazhab fekah yang terawal sampai di nusantara. Menurut Wan Mohd Saghir (1987), kitab-kitab ajaran Mazhab Syafi'i sebenarnya adalah faktor utama penyumbang kepada pengukuhan pengaruh Mazhab Syafi'i dalam pendidikan Islam di Malaysia kemudiannya melalui dasar pendidikan KBSM.

Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Di Malaysia

Pendidikan Islam merupakan salah satu komponen penting dalam sistem pendidikan negara yang terdiri daripada elemen kurikulum dan kokurikulum (Malaysia, 1997). Dalam Kurikulum Kebangsaan tersebut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012), Pendidikan Islam telah menjadi mata pelajaran teras yang mesti diambil oleh semua pelajar yang beragama Islam. Mata pelajaran ini disediakan bagi setiap tahap pengajian sama ada di sekolah rendah mahupun menengah, dan mesti diajar sekurang-kurangnya dua hingga tiga kali seminggu. Jawatankuasa Pelajaran 1956 (Malaysia, 1957) yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak telah mensyorkan agar kerajaan menanggung semua pembiayaan mata pelajaran agama di sesebuah sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya 15 orang murid beragama Islam (Zakaria & Kamarul Azmi, 2018). Berdasarkan Akta Pelajaran 1961, Seksyen 36 (1) dan (2), mata pelajaran Pendidikan Islam wajib diajar kepada semua murid beragama Islam selama sembilan atau sebelas tahun sepanjang mereka belajar di sekolah kerajaan dan tempoh pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran tersebut adalah selama dua jam (120 minit) seminggu (Ab. Halim Tamuri, 2010).

Manakala Akta Pendidikan 1996 Seksyen 50 (1) pula menyatakan bahawa pengajaran Pendidikan Islam hendaklah diajar di sesebuah institusi pendidikan yang terdapat lima murid atau lebih yang menganut agama Islam. Norhisyam Muhamad (2015) menyatakan proses pembelajaran dan pengajaran ini hendaklah dilaksanakan oleh guru yang berlatar belakang pengajian Islam dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, 2006). Menurut Kamarul Azmi (2011), Kurikulum Pendidikan Islam Teras mengandungi tiga bidang pembelajaran utama iaitu bidang pembelajaran Tilawah al-Quran dan al-Hadis, bidang pembelajaran *'ulum syar'iyah* dan bidang pembelajaran adab berteraskan *akhlak Islamiah* (Kementerian Pendidikan Malaysia, t.t). Senarai pengajian syariah dalam Kurikulum Pendidikan Islam Teras terkandung dalam bidang pembelajaran *'ulum syar'iyah* dan senarai bidang ini diterangkan secara terperinci dalam Jadual 1:

TINGKATAN	BIDANG			
	Ibadat	Muamalat	Munakahat	Jenayah
1	5	-	-	-
2	4	-	-	-
3	6	-	-	-
4	2	1	-	-
5	-	-	5	-

Jadual 1: Senarai pengajian syariah dalam Kurikulum Pendidikan Islam Teras

Pelajar peringkat menengah atas pula dibenarkan mengambil mata pelajaran elektif melalui Jadual 9 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997. Mata pelajaran elektif dalam kumpulan IV (Pengajian Islam) yang ditawarkan untuk pelajar tingkatan empat dan lima ialah Tasawwur Islam, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah dan Pendidikan Syariah Islamiah (Muhammad Fikri, 2017). Peruntukan waktu minimum seminggu untuk peringkat menengah atas bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Elektif ialah 160 minit seminggu iaitu 40 minit untuk 1 waktu (Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan

Islam dan Moral, 2006). Pengajian Syariah akan dipelajari oleh pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dan perincian bidang pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, t.t) adalah seperti dalam Jadual 2:

<i>TINGKATAN</i>	<i>BIDANG</i>				
	Sejarah Perundangan Islam	Fiqh Usul Fiqh	Ayat Hukum	Hadith Hukum	
4	-	6	5	6	4
5	2	4	3	4	5

Jadual 2: Senarai pengajian syariah dalam Kurikulum Pendidikan Islam Elektif

Berdasarkan perbincangan, jumlah jam bagi pendidikan Islam di sekolah menengah adalah tinggi dan *masalah* dalam mendedahkan ilmu-ilmu pembinaan peribadi Muslim.

Pengaruh Mazhab Syafi'i dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)

Pada tahun 1982 Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mula diperkenalkan pada tahun 1988 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Pengaruh Mazhab Syafi'i secara meluas dalam hukum-hakam fiqh dapat dikesan dalam kedua-dua kurikulum ini. Sukatan Pendidikan Islam dan pengajian syariah pada peringkat sekolah rendah dan menengah di institusi pendidikan bawah kelolaan KPM seperti Sekolah Menengah kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) banyak merujuk pandangan Mazhab Syafi'i sebagai landasan hukum (Raihan & Abdul Hakim, 2016). Tenaga pengajar yang berkhidmat di institusi-institusi tersebut pula adalah lulusan dari institusi-institusi yang berorientasikan Mazhab Syafi'i sama ada dalam negara mahu pun luar negara seperti Mekah dan Mesir (Mohd Yusuf Ahmad, 2004). Justeru, Mazhab Syafi'i telah mendominasi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di Malaysia pada semua peringkat termasuk pada peringkat

sekolah menengah (Idris Awang & Tengku Sarina Aini, 2007). Ini secara jelas termuat dalam Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012):

Matlamat pendidikan Islam di sekolah agama KPM adalah untuk membentuk insan seimbang berteraskan kekuatan ilmu, iman dan amal berasaskan al-Quran dan as-Sunnah dan berlandaskan pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* aliran Mazhab Syafi'i.

Metodologi yang digunakan dalam penggubalan kurikulum pendidikan Islam teras adalah bebas tanpa keutamaan mazhab. Walaupun begitu, ia bukan bermaksud kurikulum tersebut tidak terikat dengan Mazhab Syafi'i (Apendi Sahi, 2014). Ini kerana Mazhab Syafi'i menjadi asas rujukan dalam penggubalan kurikulum yang berkaitan dengan hukum fiqh (Zamri Abd Rahim, 2014). Kajian mendapati rata-rata kandungan kurikulum tersebut adalah selari dengan pandangan fuqaha Mazhab Syafi'i seperti daging korban dan akikah hanya boleh dimakan oleh umat Islam sahaja dan daging tersebut haram dimakan oleh orang kafir (Fauziah Mohd Ramli & Aminah Idris, 2012).

Pun begitu, terdapat juga kandungan dalam kurikulum KBSM ini beberapa perkara yang memilih pendekatan mazhab selain Mazhab Syafi'i. Misalnya walaupun penerangan berkaitan kefardhuan membayar zakat fitrah adalah berdasarkan Mazhab Syafi'i, namun begitu pada bahagian aktiviti pembelajaran untuk menambahkan kefahaman pelajar berkaitan tajuk, pelajar dikehendaki melakukan simulasi pembayaran zakat fitrah sama ada dengan wang ringgit, cek dan wang pos (Muhammad Nazmi Desa et. al., 2010). Secara detilnya, pembayaran zakat fitrah dengan wang bukanlah berasal daripada ajaran Mazhab Syafi'i. Nilai makanan asasi bagi sesebuah negara adalah berdasarkan Mazhab Hanafi (Wahbah Zuhayli, 1985). Menurut Mazhab Syafi'i, zakat fitrah hendaklah dikeluarkan dengan makanan asasi dan pembayaran dengan nilai seperti dinar, dirham atau matawang yang lain tidak akan mengangkat kefardhuan zakat fitrah (Mustafa al-Khin et.al., 2006).

Penulis buku teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat juga telah memuatkan pandangan Mazhab Maliki dan Hanafi berkaitan alat yang boleh

digunakan untuk bertayammum bagi mengharuskan solat. Muhd Arifin, et. al. (2002) ada menceritakan seperti berikut:

Para ulama mazhab Hanafi dan Maliki menyatakan alat tayammum ialah semua jujuk yang berada di atas permukaan bumi seperti tanah, pasir, batu dan sebagainya asalkan ia bersih

Bertentangan dengan pandangan Mazhab Syafi'i, petroleum, kapur, bahan bakar dan sulfur tidak boleh digunakan untuk bertayammum kerana kesemuanya tidak berdebu. Begitu juga tanah yang bercampur dengan tepung, kapur dan za'faran tidak sah dijadikan alat untuk bertayammum (Muhammad Zuhayli, 2007). Justeru, ini menunjukkan pandangan mazhab lain turut diambilpakai berdasarkan *masalahah*.

Mazhab Syafi'i juga mensyaratkan anggota yang hendak disapu dengan debu tanah ialah muka dan dua tangan hingga ke siku dengan dua kali tepukan pada debu. Kadar tangan yang disapu dengan debu adalah tangan hingga ke siku (Khatib al-Syarbini, 2018). Perkara ini adalah berbeza dengan Mazhab Maliki dan Hanbali yang mensyaratkan hanya satu kali tepukan sahaja dan had tangan ialah sehingga pergelangan tangan sahaja. Menjelaskan lagi hal ini, Muhd Arifin et. al. (2002) menyatakan seperti berikut:

“Menurut pendapat sebahagian ulama Mazhab Maliki dan Hanbali serta satu qaul dalam mazhab Syafi'i tayammum terhasil dengan sekali tepukan ke tanah. Sementara kadar sapuan kedua tangan yang wajib hanyalah kedua tapak tangan”.

Pandangan selain Mazhab Syafi'i juga terdapat dalam kurikulum berkaitan tajuk *niyabah/badal* haji. Menurut Mazhab Maliki, *niyabah* haji adalah makruh dan pernyataan dalam kurikulum (Muhd Arifin et. al., 2002) adalah seperti berikut:

“Menurut pendapat yang muktamad dalam Mazhab Maliki *niyabah* haji ialah makruh untuk orang yang sudah mati dan tidak sah untuk orang yang masih hidup”.

Sedangkan hukum *niyabah/badal* haji adalah harus menurut Mazhab Syafi'i dalam dua keadaan iaitu orang yang terlalu tua atau sakit yang tiada

harapan sembuh dan juga orang yang sudah meninggal dunia. Namun begitu pihak yang hendak melakukan *niyabah/badal* haji disyaratkan telah menunaikan haji untuk dirinya sendiri dan hanya satu ibadat haji sahaja boleh dilakukan untuk satu musim haji (Abdul Rahman Jaziri, 2004).

Perbincangan berkaitan mengambil upah ketika melakukan *niyabah/badal* haji juga memuatkan pandangan selain Syafi'i. Pernyataan dalam buku teks (Muhd Arifin et. al., 2002) adalah seperti berikut:

Para ulama *mutaqaddimin* Mazhab Hanafi tidak mengharuskan amalan mengupah haji dan ibadat-ibadat lain yang berkaitan dengan ibadat seperti azan, mengajar membaca al-Quran dan sebagainya. Namun begitu para ulama *mutakhirin* Mazhab Hanafi serta para ulama mazhab lain termasuk Mazhab Syafi'i mengharuskannya.

Tatacara untuk melakukan *niyabah/badal* haji boleh dilakukan oleh pihak ketiga secara sukarela tanpa sebarang upah atau pihak terbabit boleh mengambil upah. Hukum mengambil upah untuk *niyabah/badal* haji adalah harus menurut Mazhab Syafi'i kerana ibadat haji merupakan ibadat yang berkaitan dengan harta benda di samping ibadat *badaniah mahdah* (Abdul Rahman Jaziri, 2004).

Pandangan selain Mazhab Syafi'i dalam KBSM juga terdapat dalam bidang muamalat. Penerangan hukum jual beli adalah berdasarkan Mazhab Syafi'i. Namun begitu, penulis buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 4 juga memasukkan pandangan selain Syafi'i sebagai pengukuhan kepada kefahaman pelajar. Petikan dalam kurikulum (Fauziah Mohd Ramli & Aminah Idris, 2012) adalah seperti berikut:

Menurut Mazhab Hanbali kanak-kanak boleh berjual beli sekiranya melibatkan nilai yang sedikit seperti gula-gula. Dalam Mazhab Hanafi, kanak-kanak yang *mumayyiz* yang telah berumur tujuh tahun sah melakukan jual beli.

Mazhab Syafi'i meletakkan syarat untuk melibatkan diri dalam transaksi jual-beli hendaklah baligh dan berakal. Kanak-kanak tidak sah jual beli menurut Mazhab Syafi'i sama ada mereka sudah *mumayyiz* atau pun belum *mumayyiz* (Nawawi, 2013) berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 5 yang bermaksud:

“dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik”.

Semua transaksi jual beli yang melibatkan penjual dan pembeli hendaklah mengandung akad. Menurut Mazhab Syafi'i akad yang dilafaz oleh penjual dan pembeli merupakan syarat dalam sesuatu transaksi. Namun begitu, penulis buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 4 juga memasukkan perbincangan jual-beli tanpa akad (Syafiqah Solehah & Tengku Sarina, 2018). Perkara ini termuat dalam buku teks seperti berikut:

“2. Menganalisis perkembangan dalam urusan jual beli 2.1 jualan melalui mesin 2.2 melalui internet”.

Urusniaga jual beli menggunakan mesin ini adalah termasuk dalam jual beli *mu'atah*. Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali berpendapat jual beli tersebut adalah sah apabila terdapat petunjuk bahawa kedua-duanya saling redha-meredhai dalam urusan jual beli (Abdul Rahman Jaziri, 2004). Perkara ini dipersetujui oleh Imam Nawawi (t.t.) dan beliau berpendapat ini merupakan pandangan yang terpilih berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 29 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-suka di antara kamu”.

Pandangan selain Mazhab Syafi'i juga terdapat dalam bidang jenayah. Penulis buku teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 5 memasukkan pandangan selain Mazhab syafi'i dalam tajuk hukuman kepada pezina bukan *muhsan*. Petikan dalam buku teks (Aimi Hamzah et. al., 2003) tersebut adalah seperti berikut:

Ulama berselisih pendapat tentang hukuman buang negeri. Ulama Hanafi berpendapat tidak disertakan hukuman buang negeri dengan hukuman sebatan. Al-Imam al- Syafi'i dan Hanbali berpendapat disekalikan antara

sebatan dan buang negeri selama setahun sejauh jarak yang diharuskan solat qasar.

Menurut Mazhab Syafi'i, pezina bukan *muhsan* akan dikenakan dua hukuman atas kesalahan jenayah yang mereka lakukan iaitu hukuman buang negeri dan sebatan 100 kali. Tempoh masa untuk hukuman buang negeri ialah selama setahun dan sekurang-kurang jauh tempat hukuman ialah jarak yang diharuskan mengqasarkan solat iaitu dua *marhalah* (Mustafa al-Khin et. al., 2006). Walaupun begitu, ulama Syafi'iyah berpandangan bahawa tidak disyaratkan mengikut tertib antara sebatan dan membuang negeri. Justeru, hakim boleh mendahulukan antara kedua-duanya menurut budi bicara hakim (Sayyid Sabiq, t.t).

Aplikasi Konsep *Maslahah* dalam KBSM

Maslahah ialah segala kebaikan yang dilakukan dan dalam konteks kajian ini ialah kebaikan dalam kurikulum KBSM. Dapatan Mohd Hanafiah Ali (2014) menyatakan, penggubal kurikulum dan penulis buku teks akan memasukkan pendapat selain Mazhab Syafi'i apabila pandangan itu dipercayai dapat memenuhi *maslahah* masyarakat Islam di Malaysia. Contoh yang mudah ialah umat Islam di Malaysia membayar zakat fitrah dengan nilai makanan asasi adalah berdasarkan Mazhab Hanafi kerana mengambil kira *maslahah* kepada pembayar zakat, penerima zakat dan institusi-institusi zakat. Ini kerana wang lebih memenuhi hajat dan keperluan asnaf penerima zakat terutama fakir miskin. Wang yang diperolehi oleh mereka dapat digunakan untuk membeli keperluan yang berbeza antara satu sama lain. Selain itu institusi-institusi zakat mudah menyimpan wang sebelum diagihkan kepada asnaf kerana wang boleh disimpan di bank-bank. Institusi-institusi zakat juga akan menghadapi kesukaran dalam pengurusan kerana mereka perlu menyediakan kenderaan seperti lori untuk mengangkut makanan asasi tersebut dan menyediakan gudang penyimpanan jika pembayaran zakat fitrah dengan beras. Menurut Abdullah Basmih (1985), beras akan terdedah kepada kerosakan dalam jangka waktu tertentu berbanding wang. Justeru, kurikulum ini telah memilih pandangan yang dekat dengan *maslahah* berkaitan pembayaran

zakat fitrah. Menurut Imam Shatibi (1996), tujuan syarak meletakkan sesuatu syariat itu adalah untuk kemaslahatan hambaNya.

Penulis buku teks juga memuatkan pandangan Mazhab Hanafi dan Hanbali dalam bab jual-beli sebagai pengayaan maklumat dan ia diyakini memberi *masalahah* untuk kefahaman pelajar. Ini kerana pandangan ini dapat memenuhi keperluan *hajiyyah* manusia dan boleh diaplikasikan sekiranya keadaan memerlukan bagi mengelak mudarat. Ini kerana urusan jua-beli turut melibatkan kanak-kanak terutamanya mereka didedah untuk melakukan transaksi tersebut semasa di sekolah. Ini adalah jelas melibatkan pemakaian mazhab selain Syafi'i. Justeru, memasukkan pandangan selain Mazhab Syafi'i tersebut adalah bertepatan dengan *masalahah* dan meringankan manusia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-nisa ayat 28 yang bermaksud:

Terjemahan: Allah hendak memberikan keringanan kepadamu dan manusia dijadikan bersifat lemah.

Maslahah juga diaplikasikan dalam pengubalaan kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah KBSM ketika memuatkan pandangan selain Syafi'i untuk bab berkaitan tayammum (Azizi Jaafar, 2015). Dalam situasi tertentu, masyarakat Islam terutama pesakit mungkin akan mengalami kesukaran untuk mendapatkan debu tanah untuk mengharuskan solat. Justeru, pandangan yang membenarkan tayammum selain debu tanah termasuk dalam kategori *masalahah hajiyyah* kerana perkara ini memudahkan mereka memelihara solat (Bilqasim al-Zubydi, 2014). Kurikulum ini juga menunjukkan syariat Islam tidak menyusahkan penganutnya berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud:

Terjemahan: Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu

Prinsip *masalahah* juga telah diaplikasikan dalam penulisan buku teks Pendidikan Islam KBSM berkaitan transaksi jual-beli secara "atas talian" dan menggunakan mesin. Ini kerana kemaslahatan manusia akan mengalami perubahan dengan berubahnya tempat, zaman dan keadaan (Yusuf Hamid, 1994; Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017)). Bahagian Pembangunan Kurikulum,

KPM telah mengambil kira aspek perkembangan teknologi dalam penggubalan sesuatu kurikulum dan perkara ini bertepatan dengan *maqasid al-syariah* kerana syariat Islam sentiasa memelihara empat elemen ini (Paizah Ismail et. al., 2012) iaitu:

Pertama: *jalb al-masalih* iaitu mencapai kebaikan di dalam kehidupan manusia.

Kedua: *Dar' al-mafasid* iaitu menolak kerosakan yang bakal timbul dalam masyarakat.

Ketiga: *Sadd al-Darar* iaitu menghalang keburukan.

Keempat: *Taghayyur al-Zaman* iaitu meraikan faktor perubahan zaman.

Jelasnya, kurikulum KBSM di Malaysia turut meraikan pandangan selain Mazhab Syafi'i bagi mendatangkan *maslahah* dan menolak mudarat, terutama dalam beberapa perkara yang pandangan lain tersebut lebih mendatangkan *maslahah*.

SIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, kesimpulan yang boleh dibuat ialah Mazhab Syafi'i masih mendominasi segenap aspek pentadbiran, perundangan dan pendidikan di Malaysia termasuklah dalam kurikulum Pendidikan Islam Teras dan Elektif KBSM. Pandangan Mazhab Syafi'i sentiasa diutamakan dalam penggubalan kurikulum walaupun terdapat sedikit keterbukaan dalam menerima pandangan mazhab-mazhab empat yang lain dan juga pendapat ulama kontemporari. Ini adalah satu bentuk keterbukaan atau kebebasan terkawal yang dilakukan demi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di Malaysia. Pendedahan hukum-hukum fiqh dari pelbagai pandangan ulama adalah bertujuan menjaga kepentingan umum masyarakat (*maslahah 'ammah*) terutama sekiranya keadaan lebih memerlukan untuk bertindak demikian.

Selain itu, pendekatan menerimapakai pandangan mazhab selain Syafi'i dalam kurikulum KBSM ini juga adalah sebagai meraikan *maslahah*. Pendekatan ini bertepatan dengan satu kaedah fiqh yang telah diperkenalkan oleh Imam Syafi'i (Sayuti, 2012) yang berbunyi, "إذا ضاق الأمر اتسع" yang bermaksud "apabila sesuatu itu menjadi sempit (sukar diamalkan) maka ia akan diperluaskan".

Bagaimanapun sekiranya keterbukaan itu menjadi mudarat, maka kaedah juga berubah iaitu “apabila sesuatu itu menjadi luas (sehingga merosakkan hukum) maka ia akan dipersempitkan”. Justeru, kurikulum KBSM bergerak sebagaimana dua Akedah di atas yang anjal di mana apabila berlakunya kesusahan, maka ia akan membawa kepada kemudahan (Sayuti, 2012).

DAFTAR PUSTAKA

- Ab. Halim Tamuri (2010). “Penilaian Pelajar-Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah Menengah di Malaysia”, dalam *Persidangan Serantau Pendidikan Islam 2010*, 1- 12.
- Abd al-Rahman al-Jaziri. (2004). *Kitab al-Fiqh ‘Ala al-Madhahib al-Arba‘ah* Kaherah: Dar al-Bayan al-‘Arabi.
- Abdul Rahman Abdullah. (1990). *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Basmih. (1985). *Panduan Zakat, Sedekah dan Khairat*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad Hidayat Buang. (2000). “Analisis Fatwa-fatwa Semasa di Malaysia”, *Seminar Kakitangan Jabatan Syariah dan Undang-undang*. 9 September 2000.
- Ahmad Mohd. Salleh. (2004). *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Ahmad Raysuni. (2014). *Muhadarat Fi Maqasid al-Shari’ah*. Kaherah: Dar al-Kalimah.
- Aimi Hamzah, Mohd Hidhir Mohd Isa dan Mohd Shah Ujang (2003), *Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 5*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anisah Ab Ghani. (2007). “Kedudukan Mazhab Syafi’i dalam ibadat di Malaysia”. *Jurnal Fiqh*, 4, 188.
- Apendi bin Sahi. (2014). Temubual pada 12 Mei 2014. *Bahagian Pembangunan Kurikulum*, KPM.
- Azizi Jaafar. (2015). “Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Berasaskan Model Context-Input-Process-Product (CIPP)”. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Universiti Utara Malaysia.

- Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. (2006). *Buku Panduan Kursus Peningkatan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah 2006*. Kuala Lumpur: JAPIM.
- Bear, G. G., Yang, C., Pell, M., & Gaskins, C. (2014). "Validation of a brief measure of teachers' perceptions of school climate: relations to student achievement and suspensions". *Learning Environments Research*, 339–354.
- Bilqasim al-Zubydi. (2014). *al-Ijtihad Fi Manat al-Hukm al-Syar'i 'Ind al-Usuliyin Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyah*. Saudi: Takwin li al-dirasat wa al-abhath.
- Embong, R., Noruddin, N., Sulaiman, A. A., Wan Abdullah, W. I., & Md Lateh @ Junid, H. (2018). "Amalan Kurikulum Bersepadu bagi Sekolah Islam di Malaysia". *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 17(1), 27-40.
- Fauziah Mohd Ramli dan Aminah Idris. (2012). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Given, L. M., ed. (2008). *The Sage Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. SAGE Publications, Los Angeles.
- H. Mahmud Junus. (1971). *Sejarah Islam di Minangkabau*. Jakarta: al-Hidayah.
- Hassan Mardman. (2001). *Pondok dan Madrasah di Pattani*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ibn Manzur, Muhammad. (t.t). *Lisan al-'Arab*. al-Qahirah: Dar Ma'arif.
- Idris Awang dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2007). "Pembudayaan Mazhab Syafi'i dalam Masyarakat Islam di Malaysia". *Jurnal Fiqh*, 4, 165.
- 'Iyadh al-Silmi. (2005). *Usul al-Fiqh*. Riyadh: Dar al-Tadmuriyyah.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2011). "Pendidikan Islam: Cabaran di Alaf Baru", dalam *Seminar Pendidikan Islam at Madrasah Idrisiah*, Kuala Kangsar on 30 Oktober 2011.
- Jasni Sulong, dan Faisal Husen Ismail. (2011). "Pemakaian Doktrin al-Masalih al-Mursalah dalam Hukum al-Faraid". *Jurnal Syariah*, 19(1), 1-22.
- Jasni Sulong. (2008). "Kedudukan Mazhab Syafi dalam Amalan Pembahagian Pusaka dan Wasiat Islam di Malaysia". *Jurnal Syariah*, 16 (1), 163-183.

- Jasni Sulong. (2015). "Pondok Education in Seberang Perai: Its Evolution and Uniqueness". *Kajian Malaysia*, 33(2), 75-90.
- Kelantan. (1966). *Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri 1966*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). *Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (t.t). *Huraian Sukatan Pendidikan Islam Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khatib al-Syarbini. (2018). *al-Iqna' fi hal Alfaz Abi Syuja'*. Kaherah: Dar al-Ghad al-Jadid.
- Luqman Haji Abdullah dan Nima Jihatea (2007). "Bermazhab dan Fanatik Mazhab: Satu Sorotan dalam Kerangka Amalan Bermazhab Syafi'i Masyarakat Melayu". *Jurnal Fiqh*, 4, 109.
- Malaysia. 1957. Ordinan Pelajaran 1957.
- Malaysia. 1996. Dasar Pendidikan Malaysia.
- Malaysia. 1997. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997.
- Mohamad Jajuli A. Rahman. (1995). *The Malay Law Text*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hanafiah bin Ali. (2014). Temubual pada 12 Mei 2014. *Bahagian Buku Teks*, KPM.
- Mohd Syaubari Othman daan Ahmad Yunus Kassim. (2017). "Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Mengintergrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Berdasarkan Model Dick and Carey di Negeri Perak". *International Academic Research Journal of Social Science*, 3(2),1-9.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2004). *Falsafah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Fikri Bin Norddin. (2017). Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Terhadap Murid Beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Tesis Sarjana Falsafah*, Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia.

- Muhammad Haron Husaini, Abdul Manan Yusoh, Adnan Mat Ali, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Ahmad Shafiq Mat Razali, Diyak Ulahman Mat Saad, Mohd Bakri Aziz dan Jamaliah Rani. (2018). "Kurikulum Bersepadu Dini: Pelaksanaan Dan Cabaran". *4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018*. Faculty of Islamic Civilisation Studies. International Islamic University College Selangor, Malaysia.
- Muhammad Nazmi Desa, Muhd Sukki Othman dan Rijal al-Din Yahya. (2010). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 2*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhammad Zuhayli. (2007). *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Muhd Arifin, Mohd Zaini Yahya dan Afandi Sahi. (2002). *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan 'Ali al-Syarbaji. (2006). *al-Fiqh al-Manhaji 'ala madhhab al-Imam al-Syafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Nawawi, Abi Zakariyya Yahya. (2013). *Minhaj al-Talibin Wa 'Umdah al-Muftin*. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Nawawi, Abi Zakariyya Yahya. (t.t). *Kitab Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Noor Shakirah Mat Akhir, dan Muhammad Azizan Sabjan. (2014). "Pembangunan Modal Insan dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus". *Journal of Human Capital Development*, 7(1), 33-47.
- Norhisham Muhamad. (2015). *Biah Solehah dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)*. Perak: Penerbit UPSI.
- Paizah Ismail, Rahimin Affandi Abdul Rahim dan Idris Awang. (2012). "Pendekatan Baru Maqasid al-Syari'ah dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis". dalam *Maqasid al-Syari'ah*, ed. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud dan Akhtarzaite Abdul Aziz. Selangor: UIAM.
- Raihan Mohd Arifin & Abdul Hakim Abdullah (2016). "Pelaksanaan Iklim Dini dan Hubungannya dengan Prestasi Sekolah". *Proceeding Sosial Sains*, UniSZA
- Raihan Mohd Arifin, Kamarul Shukri Mat Teh & Norfazila Ghazali. (2019). "Konseptualisasi Strategi dan Pelaksanaan Iklim Dini di Sekolah

- Menengah Agama”. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*, 2(1), 1-11.
- Saadani Man. (2007). “Kedudukan Mazhab Syafi’i dalam Perkembangan Ahlus Sunnah di Negeri Perlis”. *Jurnal Fiqh*, 4, 150.
- Sayuti, Jalaluddin Abd al-Rahman. (2012). *al-Asybah wa al-Naza’ir*. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.
- Sayyid Sabiq. (t.t). *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: al-Fath lil i’lam.
- Shatibi, Abu Ishaq. (1996). *al-Muwafaqat*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Siradjuddin Abbas. (2003). *Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafi’i*. Jakarta: Pustaka Tarbiah.
- Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2017). “Permasalahan dan Cabaran Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam Membentuk Personaliti dan Akhlak Pelajar: Satu Analisis Secara Kritis”. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*.
- Syed Mohd Naquib Al-Attas. (1970). *The Correct Date of the Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Wahbah Zuhayli. (1985). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Wan Mohd Saghir. (1987). *Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani Penulis Produktif di Asia Tenggara*. Solo: C.V. Ramadhani.
- Wang, M. T., & Degol, J. L. (2016). “School Climate: A Review of the Construct, Measurement, and Impact on Student Outcomes”. *Educational Psychology Review*.
- Wilayah Persekutuan. (1993). Akta Pentadbiran Undang-undang Islam.
- Willis, J. W. (2007). *Foundations of Qualitative Research: Interpretive and Critical Approaches*. London: Sage.
- Yusuf Hamid. (1994). *al-Maqasid al-‘Ammah li al-Shari‘ah al-Islamiyyah* Riyad: al-Dar al-‘Alamiyyah li kitab al-Islami.
- Zakaria Abdullah, dan Kamarul Azmi Jasmi. (2018). *Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Pendekatan Berpusatkan Pelajar dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan*. Skudai: penerbit UTM.

Zamri bin Abd Rahim. (2014). Temubual pada 12 Mei 2014. *Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM.*

Zuraidah Binti Ramdzan@Ramban. (2013). “Kesediaan, amalan dan strategi pengajaran pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun Satu (KSSR)”. *Tesis M.ed.* Universiti Teknologi Malaysia.